

TMJ ucap terima kasih kepada Dr. M

KUALA LUMPUR 12 Jan. - Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengadakan pertemuan menghadap ayahandanya Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar pada Khamis lalu.

Ucapan terima kasih itu disampaikan menerusi kenyataan dalam laman Twitter baginda hari ini, sambil mengharapkan kerajaan Pusat dan Kesultanan Johor dapat bekerjasama untuk kebaikan negara.

"Assalamualaikum Dr. Mahathir. Saya mengambil peluang ini untuk berterima kasih kerana datang ke Johor untuk meng-

hadap ayahanda, Tunku Ismail Sultan.

"Saya harap kita boleh bekerjasama dan menuju ke hadapan untuk kebaikan negara. Semua yang terbaik dan mendoakan anda. Salam ikhlas, Ismail Ibrahim," kata Tunku Ismail dalam laman media sosialnya itu.

Pertemuan antara Sultan Ibrahim dan Dr. Mahathir mendapat liputan meluas akhbar tempatan yang sekali gus memadamkan pelbagai persepsi orang ramai terhadap hubungan mereka.

Sesi menghadap itu turut



TUNKU ISMAIL

diserikan dengan layanan Sultan Ibrahim yang mencemar duli memandu kereta Proton Saga berwarna biru dengan nombor pendaftaran Proton 1 untuk menghantar Dr. Mahathir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

Kereta tersebut merupakan edisi terawal Proton Saga iaitu kereta keluaran pertama negara yang diberikan kepada ayahanda Sultan Ibrahim, Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail semasa Almarhum menjadi Yang di-Pertuan Agong pada pertengahan 1980-an.

Um-13/1/2019
m/s: 4

Pinned Tweet
HRH Crown Prince of Johor @HRHJohorII · 5h
Assalamualaikum @chedetofficial. I'd like to take this opportunity to thank you for visiting Johor to 'menghadap' Ayahanda DYMM-Tunku Sultan. I hope we can work together & move forward for the Nation's betterment. All the best & Wishing you well Sir. Salam Ikhlas. Ismail Ibrahim



GAMBAR Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bersama Dr. Mahathir Mohamad menaiki kereta Proton Saga dengan nombor pendaftaran Proton 1 yang dimuat naik dalam laman Twitter milik Tunku Ismail Sultan Ibrahim.